

Masjid wajar ditadbir secara profesional

Pengurusan terancang pastikan program pembangunan ummah lebih berkesan

Oleh Dr Mohd Mohadis Yasin

CADANGAN agar setiap masjid di seluruh negara menubuhkan Perbadanan Amanah Masjid memang baik bagi mengumpul dan menjana sumber kewangan sekali gus meningkatkan ekonomi umat Islam. Ia sejajar dengan peranan masjid dalam pembentukan masyarakat dan pembangunan ummah.

Malah, usaha itu juga selaras pengertian institusi masjid itu sendiri yang bukan semata-mata tempat sujud atau tempat melaksanakan ibadat khusus, tetapi mempunyai konsep lebih luas dan menyeluruh sebagai tempat suci, indah dan makmur serta kepelbagaian fungsi berhubungkait dengan ibadat.

Bagaimanapun pentadbiran institusi masjid sehingga kini belum dapat melaksanakan fungsi dan peranannya secara berkesan. Sebahagian besar institusi masjid hanya berperanan sebagai tempat melaksanakan ibadat solat dan amalan bersifat ritual dengan aktiviti pengimarahannya yang masih terbatas.

Masjid belum dapat dimakmurkan sebagai sebuah institusi yang menjadi mercu tanda dalam kehidupan umat Islam. Antara faktor utama menyumbang kepada kelemahan institusi ini ialah ketiadaan perancangan dan penyelarasan menyeluruh, kelemahan dalam pelaksanaan peraturan dan kawalan, kepemimpinan yang tidak dapat menaikkan imej dan status masjid, program pengimarahannya terbatas, pengurusan kewangan tidak profesional, bangunan fizikal dan persekitaran hambar, kemudahan terhad dan pelbagai masalah lain, menyebabkan institusi ini tidak dapat menjalankan fungsi dan peranannya secara berkesan.

Selain itu, peredaran masa yang berlaku menuntut pertambahan pelbagai aktiviti baru yang perlu diberikan kepada masyarakat.

Menyedari hakikat betapa penting peranan masjid dalam pembangunan ummah dan negara adalah perlu usaha dibuat bagi mengatasi segala kelemahan dalam pengurusan dan pentadbirannya. Pelbagai usaha harus diberikan ke arah mengembalikan

INTI PATI

Pentadbiran masjid

- Seluruh masjid perlu ditadbir secara bersama untuk memudahkankan pihak pengurusan merancang, mengawas dan menilai program yang dilaksanakan.
- Menyediakan pelan induk, memperkemas struktur organisasi pentadbiran, menggariskan objektif dan wawasan masjid dengan jelas.
- Memperbaiki dan mempertingkatkan profesionalisme pegawai masjid serta diberi pengiktirafan.
- Melengkapkan masjid dengan kemudahan ICT untuk memudahkan pentadbir berinteraksi dengan dunia luar.
- Mempelbagaikan fungsi masjid yang dapat membangunkan

semangat dan roh keIslaman yang terpancar dalam kesepaduan fungsi masjid supaya dapat terus dihidup dan diterjemahkan dalam kehidupan masyarakat Islam kini.

Lantaran itu bagi meningkatkan pengurusan dan pentadbiran institusi masjid supaya menjadi institusi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan umat Islam adalah disarankan supaya beberapa pendekatan dan langkah berikut dapat dilakukan:

- Masjid Negara, masjid negeri, masjid daerah dan masjid kariah perlu ditadbir secara bersama dan tidak secara berasingan seperti dilaksanakan kini. Sebarang perancangan pembangunan masjid yang akan dilaksanakan, Masjid Negara dan masjid negeri seharusnya dijadikan model atau projek perintis sebelum ia dilaksa-

nakan di masjid lain pada peringkat daerah dan mukim.

Menerusi pendekatan ini akan memudahkan pihak pengurusan membuat perancangan, pengawasan dan penilaian terhadap sesuatu program yang akan dilaksanakan serta melihat kepentingan dan keperluannya untuk dilaksanakan di masjid lain.

- Pihak bertanggungjawab dalam penyelarasan dan pengurusan pentadbiran masjid pada peringkat pusat disaran menyediakan pelan induk institusi masjid, memperkemas struktur organisasi pentadbiran masjid, menggariskan objektif dan wawasan masjid dengan jelas, menyediakan pegawai dan kakitangan mencukupi dan berkelayakan serta menubuhkan jawatankuasa pengurusan dan pentadbiran masjid peringkat kebangsaan dan negeri bagi merancang, menyelaraskan dan mengatasi sebarang isu serta permasalahan timbul berkaitan dengan institusi masjid.

- Menyelaras dan menyeragamkan undang-undang dan peraturan pengurusan dan pentadbiran masjid di semua negeri khususnya berkaitan peraturan pembinaan, pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid, pengimarahannya, kewangan, penyelenggaraan, kawalan dan arahan ke atas pegawai dan jawatankuasa masjid serta beberapa kaedah dan peraturan berkaitan dengan pentadbiran masjid.

- Pegawai masjid hendaklah diperbaiki dan dipertingkatkan serta diberi pengiktirafan sewajarnya. Dalam hal ini skim dan syarat baru perkhidmatan pegawai masjid khususnya jawatan imam masjid negeri dan masjid daerah serta pegawai masjid lain seperti khatib, bilal dan noja perlu diberi pengiktirafan khusus berdasarkan kelayakan ditetapkan.

Usaha ini boleh dilaksanakan bermula dengan masjid negeri seperti dilaksanakan kini, diikuti masjid daerah dan masjid kariah yang lain secara berperingkat.

- Melengkapkan masjid dengan kemudahan ICT dapat memudahkan berinteraksi dengan dunia luar. Usaha ini secara tidak langsung akan memudahkan pihak berkaitan menyalurkan maklumat berkaitan pen-

ngurusan, pengimarahannya, kewangan, teks khutbah dan sebagainya dengan mudah dan pantas.

Menerusi kemudahan ICT juga segala maklumat sama ada mengenai Islam atau maklumat sekeliling berkaitan boleh diperoleh menerusi masjid seperti tokoh ulama dan pemimpin tempatan, perkahwinan dan perceraian, kemiskinan, pendidikan, ekonomi, kewangan, kesenian, bilangan penduduk kariah, keruntuhan moral dan sebagainya.

- Masjid perlu dijadikan pusat penyatuan dan kekuatan ummah. Oleh itu, sebarang program yang diadakan di masjid seharusnya menjurus ke arah memelihara perpaduan, kekuatan dan keharmonian masyarakat. Konflik politik parti yang boleh mencetuskan perbalahan, perpecahan dan salah faham sewajarnya ditegah dibawa dalam majlis ilmu.

Demikian juga sekatan terhadap masjid terutama kepada pendakwah seharusnya disemak semula kecuali terbukti menunjukkan bahawa pihak berkenaan membawa fahaman bertentangan dengan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

- Peranan institusi masjid perlu dipertingkatkan supaya menjadi tempat kegiatan kemasyarakatan yang berkaitan dengan pembangunan ummah.

Selain itu, usaha juga seharusnya dilakukan bagi menjadikan institusi masjid sebagai pusat rawatan atau klinik bukan saja untuk mengubati penyakit luaran, malah penyakit batin dan rohani yang tenat.

Institusi masjid juga perlu dibangunkan sebagai pusat penyelidikan dan rujukan ke arah melahirkan masyarakat bermaklumat.

Penyelenggaraan aspek fizikal masjid seperti pembesaran bangunan, menjaga keceriaan halaman dan landskap, memelihara keselesaan tempat solat, kawasan meletak kenderaan, tempat wuduk, menjaga kebersihan tandas dan kesempurnaan alat siasaya memerlukan peruntukan kewangan mencukupi.

Penulis bertugas di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan